

**MENENGAH 3 EXP/NA**  
**LATIHAN PEPERIKSAAN 1**  
**KERTAS 1**

|         |             |
|---------|-------------|
| Tarikh: | Masa: 2 jam |
|---------|-------------|

| Jenis Soalan-soalan |                                                                               | Markah Penuh | Isi | Bahasa | Markah Yang diperolehi |
|---------------------|-------------------------------------------------------------------------------|--------------|-----|--------|------------------------|
| Bahagian A          | Penulisan Fungsional<br>(Pilih <b>satu</b> soalan sahaja daripada Bahagian A) | 20           | 10  | 10     |                        |
|                     |                                                                               |              |     |        |                        |
| Bahagian B          | Penulisan Esei<br>(Pilih <b>satu</b> soalan sahaja daripada Bahagian B)       | 40           | 20  | 20     |                        |
|                     |                                                                               |              |     |        |                        |

**PERHATIAN:** Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu peringkat 'N' atau 'O', ada perbezaan dalam komponen Penulisan Fungsional dan Esei (Bahagian A dan B).

**Bahagian A Penulisan Fungsional**

Peringkat 'N': tidak kurang daripada 100 patah perkataan

Peringkat 'O': tidak kurang daripada 120 patah perkataan

**Bahagian B Penulisan Esei**

Peringkat 'N': tidak kurang daripada 200 patah perkataan

Peringkat 'O': tidak kurang daripada 240 patah perkataan

Index  
No.

|  |  |  |  |  |   |  |
|--|--|--|--|--|---|--|
|  |  |  |  |  | - |  |
|--|--|--|--|--|---|--|

AKAR EDUCATION  
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH**BMS3EN/1****SECONDARY 3 EXP/NA**  
**SPECIMEN PAPER 1****BAHASA MELAYU**  
**(KERTAS 1)****MALAY**  
**(PAPER 1)**

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.



This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab **dua** soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

**BAHAGIAN A (20 markah)**

**Arahan:** Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada **100 atau 120\*** patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

The screenshot shows an email client window. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, search, delete, compose, star, print, reply, reply all, and forward. Below the toolbar, the email header is displayed in a light blue box. It contains the following information:

- To: Kepada: zainal-yusof@gmail.com
- From: Daripada: fizo-omar@pintar.com
- Subject: Subjek: Perkhemahan Sekolah

Below the header, the date and time of the email are shown: Tarikh: 22 November 2018.

The body of the email is as follows:

Zainal,

Apa khabar? Saya harap awak sekeluarga berada dalam keadaan sihat. Saya dengar baru-baru ini, awak telah menyertai satu konvensyen teknologi masa akan datang. Saya juga ingin menghidirinya namun rancangan itu terpaksa dibatalkan kerana saya harus menjaga ibu saya yang sedang sakit di hospital.

Walau bagaimanapun, saya ingin sekali tahu apakah perkara-perkara menarik yang dipamerkan di konvensyen itu. Sekiranya tidak keberatan, ceritakanlah tentang alat-alat baru yang awak berpeluang cuba di konvensyen itu.

Sampai di sini dulu e-mel saya kali ini. Sehingga bertemu lagi.

Salam mesra  
Fizo Omar

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Kamu terbaca iklan tentang peraduan Anugerah Pelajar Cemerlang di sebuah papan notis sekolah kamu. Anugerah itu adalah anjuran sebuah syarikat akhbar tempatan. Antara kriteria yang diperlukan ialah seorang pelajar itu bukan sahaja mempunyai pencapaian akademik yang baik tetapi juga berdisiplin dan berbakti kepada masyarakat.

Tulis e-mel kepada penganjur peraduan tersebut untuk mencalonkan seorang rakan kamu. Dalam e-mel kamu, nyatakan sebab-sebab pencalonan kamu itu untuk meyakinkan para pengadil bahawa rakan kamu layak menerima anugerah tersebut.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: anuwar\_ibrahim@gmail.com atau  
atikah\_ibrahim@hotmail.com

Alamat penerima: anugerahpelajar@metro.com.sg

### BAHAGIAN B (40 markah)

**Arahan:** Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada **200 atau 240\*** patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Bahasa ibunda penting dan mencerminkan budaya dan keunikan sesebuah bangsa. Bincangkan.
4. Kamu dan seorang rakan tersesat jalan sewaktu menjalani sebuah aktiviti perkhemahan di luar sekolah. Terangkan peristiwa tersebut.
5. Tulis sebuah karangan **bermula** dengan:

"Melihat ayah dalam keadaan lemah membuat hatiku terasa sayu. Aku teringat kembali detik-detik manis bersamanya - ketawa riang kita bersama. Namun kini, semuanya sudah tidak sama. Aku..."

**SELESAI**



**MENENGAH 3 EXP/NA**  
**LATIHAN PEPERIKSAAN 1**  
**KERTAS 2**

|         |                      |
|---------|----------------------|
| Tarikh: | Masa: 1 jam 30 minit |
|---------|----------------------|

| Bahagian A                                                 | Topik                   | Markah Penuh<br>30 | Markah Yang<br>Diperolehi | Markah<br>Keseluruhan |
|------------------------------------------------------------|-------------------------|--------------------|---------------------------|-----------------------|
|                                                            | Imbuhan                 | 10                 |                           |                       |
|                                                            | Peribahasa              | 10                 |                           |                       |
|                                                            | Golongan Kata           | 10                 |                           |                       |
| Bahagian B                                                 | Topik                   | Markah Penuh<br>10 | Markah Yang<br>Diperolehi | Markah<br>Keseluruhan |
|                                                            | Kefahaman 1 (Objektif)  | 10                 |                           |                       |
| Bahagian C                                                 | Topik                   | Markah Penuh<br>30 | Markah Yang<br>Diperolehi | Markah<br>Keseluruhan |
|                                                            | Kefahaman 2 (Subjektif) | 30                 |                           |                       |
| <b>Bahagian A (30) + Bahagian B (10) + Bahagian C (30)</b> |                         |                    |                           |                       |

**PERHATIAN:** Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu peringkat 'N' atau 'O', ada perbezaan dalam komponen **Bahagian C Kefahaman 2 (Subjektif)**.

**Bahagian C Kefahaman 2 (Subjektif)**

Peringkat 'N': Markah bagi soalan 23 dan 24 adalah **5 markah** setiap soalan. Soalan 29 dan 30 **tidak** perlu dijawab dan markahnya tidak akan digunakan dalam penilaian bahagian ini.

Peringkat 'O': Markah bagi soalan 23 dan 24 adalah hanya **3 markah** setiap soalan. Soalan 29 dan 30 **perlu** dijawab untuk mendapatkan markah yang penuh dalam bahagian ini.